



# **M// PILIHANRAYA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KUKUM**

## **2004/2005**

**Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)** Sidang Akademik 2004/2005 telah dijalankan serentak di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam di seluruh negara pada 15 September 2004. Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah mengadakan proses penamaan calon bagi pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 11 September 2004. Pada pilihanraya kali ini, sebanyak 18 kerusi dipertandingkan iaitu 12 kerusi pusat pengajian dan 6 kerusi umum.

Proses pilihanraya kali ini menyaksikan semua kerusi dimenangi tanpa bertanding. Calon-calon yang menang tanpa bertanding tersebut adalah terdiri daripada pelbagai kaum. Situasi ini menggambarkan kematangan pelajar-pelajar KUKUM dalam memilih wakil masing-masing dan hal ini selari dengan hasrat pengurusan Universiti dalam melahirkan pemimpin yang bakal meneruskan agenda kepimpinan negara.